

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 2015

PELAKSANAAN PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH DI DALAM PENTADBIRAN TANAH.

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 04hb. Februari, 2015 semasa menimbang Kertas Bilangan 2/2015/D2(2) telah membuat keputusan berkaitan Pelaksanaan Perintah-Perintah Mahkamah Syariah di dalam Pentadbiran Tanah adalah sebagaimana berikut :-

- a) Pentadbir Tanah perlulah melaksanakan perintah-perintah Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan perkara-perkara yang termasuk dalam bidangkuasanya termasuk perletakhakkan berkaitan pembahagian atau tuntutan kepada mana-mana harta yang terbit dari mana-mana perkahwinan dan perceraian , atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri ; Harta Sepencarian; dan hibah atau membataalkannya.
- b) Manakala hal berkaitan pewarisan harta pesaka, Mahkamah Syariah hanya akan mengeluarkan Sijil Faraidh sahaja sebagaimana bidangkuasanya, maka Sijil Faraidh tersebut boleh menjadi panduan oleh Mahkamah Tinggi Malaya atau Bahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk mengeluarkan perintah mengikut Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (Akta No.97) dan Akta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 (Akta No 98) mengikut mana-mana yang berkaitan. Seterusnya Pentadbir Tanah bolehlah menguatkuasakanya dibawah seksyen 348, 417 dan 420 Kanun Tanah Negara 1965 mengikut mana yang wajar .

- c) Walaubagaimana pun, jika terdapat perintah Mahkamah Syariah berkaitan probet dan surat kuasa mentadbir, perintah-perintah tersebut tidak boleh dikuatkuasakan memandangkan Mahkamah Syariah tidak berbidangkuasa dalam membuat perintah-perintah tersebut dan Pentadbir Tanah perlu mengesyorkan agar perintah itu dikemukakan kepada Pejabat Penyelesaian Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan atau Mahkamah Tinggi Malaya mengikut mana yang wajar.
2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD , D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADА :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB Dato' Penggerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Pelaburan dan Kewangan.
4. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN

FAIL NO : PTG. PKP (E) 01/2014
BERTARIKH: 03 JAMADIL AWAL 1436H
22 FEBRUARI 2015